

Isikan tempat kosong dalam ayat-ayat di bawah ini dengan kata ganda yang paling sesuai.

kayu-kayan	ubat-ubatan	lauk-pauk	lelaki	lelangit
sayur-mayur	suka-duka	rumah-rumah	saudara-mara	rama-rama

1. _____ setingan itu akan dirobohkan tidak lama lagi kerana kawasan itu akan dibina sebuah pasar raya besar yang moden.
2. Kaum _____ akan pergi menunaikan solat Jumaat pada setiap hari Jumaat.
3. _____ di kebun Tok Ali menjadi layu kerana tidak disiram.
4. Zaki menolong datuknya mencari _____ di hutan untuk dijual kepada penduduk kampung.
5. Ah, awak bukannya tahu _____ saya hidup di kota besar ini!
6. Sejak dua hari lepas lagi _____ Aina datang membantunya mengadakan majlis perkahwinannya.
7. Sekali imbas _____ seakan-akan kupu-kupu, namun kedua-dua jenis serangga ini ada perbezaannya jika diteliti.
8. Adik menangis kerana _____ tertusuk tulang ikan.
9. Kecur air liur saya melihat _____ yang enak di atas meja itu.
10. Nenek Yam lebih suka menggunakan _____ tradisional berbanding ubat-ubatan moden.